



Ketahui hak anda

Pekerja migran dan pemegang visa mempunyai hak tempat kerja yang sama seperti semua pekerja lain di Australia. Ini adalah dilindungi oleh undang-undang. Ombudsman Kerja Adil menyediakan satu perkhidmatan percuma, dan boleh membantu anda memahami hak anda semasa bekerja di Australia. Ini termasuk:

- Kadar upah minimum
- Lain-lain syarat minimum di tempat kerja, termasuk cuti atau masa rehat
- Perlindungan di tempat kerja, termasuk hak untuk bebas dari diskriminasi

Semua majikan mesti mengikut undang-undang ini. Sebagai contoh, mereka tidak boleh membayar kurang daripada amaun minimum yang ditetapkan oleh undang-undang, walaupun seseorang pekerja menyetujuinya.

Untuk maklumat mengenai hak tempat kerja anda, anda boleh lawati www.fairwork.gov.au, atau hubungi Ombudsman Kerja Adil melalui telefon di talian 13 13 94. Jika anda memerlukan seorang penterjemah, hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Pentafsiran di talian 13 14 50.


Untuk maklumat atau nasihat rahsia sila hubungi Palang Merah Australia.

T. 03 9345 1800

E. national_stpp@redcross.org.au

W. redcross.org.au/workrighthub

This Modern Slavery grant activity received grant funding from the Australian Government.



Perhambaan moden berlaku di Australia

Eksplotasi serius di tempat kerja adalah satu jenayah di Australia. Jika anda atau seseorang yang anda kenali sedang dieksplotasi di tempat kerja, bantuan boleh didapati.

Semua pekerja di Australia mempunyai hak asasi yang dilindungi oleh undang-undang. Undang-undang ini merangkumi semua pekerja termasuk mereka dari seberang laut, tanpa mengambil kira berapa lama mereka bermastautin di Australia atau jenis visa.

Anda harus dilayan dengan adil di tempat kerja.



Perhambaan moden adalah apabila paksaan, ancaman atau penipuan digunakan untuk mengeksploitasi individu dan menafikan kebebasan mereka. Ini adalah jenayah serius di Australia dan termasuk buruh paksaan, pemerdagangan orang, penghambaan dan ikatan hutang.

Buruh paksaan adalah sebarang kerja yang seseorang dipaksa untuk lakukan bertentangan dengan kehendak mereka atau di bawah ancaman hukuman.

Pemerdagangan orang adalah apabila seseorang direkrut atau diangkut melalui penipuan, ancaman atau paksaan untuk tujuan eksploitasi. Ini boleh berlaku dalam sebarang industri termasuk pertanian, hospitaliti, pembinaan, pembersihan dan industri seks.

Penghambaan adalah apabila seseorang tidak menganggap diri mereka sendiri sebagai bebas untuk berhenti bekerja atau meninggalkan tempat kerja, disebabkan oleh ancaman, paksaan atau penipuan; dan orang itu dinafikan kebebasan peribadi mereka secara signifikan dalam bidang kehidupan mereka di luar dari kerja. **Penghambaan domestik berlaku dalam** konteks kerja domestik, apabila keadaan dan kondisi menghala kepada amalan-amalan seakan-perhambaan.

Ikatan hutang adalah apabila perkhidmatan peribadi seseorang digunakan untuk membayar balik satu hutang dan amaun terhutang atau yang didakwa terhutang adalah melampau, atau amaun kerja yang seseorang itu lakukan untuk membayar balik hutang itu adalah tidak munasabah.

Tanda-tanda eksploitasi

- Dipaksa untuk bekerja
- Bekerja untuk masa yang panjang dengan masa rehat yang amat sedikit
- Tidak dibayar dengan sewajarnya
- Membayar balik satu hutang yang besar kepada seorang perekrut atau majikan untuk perjalanan, penginapan, pakaian, makanan, pengangkutan atau dokumen kerja
- Tidak dapat meninggalkan tempat kerja anda atau membincangkan syarat
- Digertak atau diancam di tempat kerja, seperti diberitahu bahawa anda akan dihantar pulang atau bahawa ahli keluarga akan dcederakan
- Tidak dapat mengakses pasport anda atau lain-lain dokumen pengenalan diri
- Tidak dapat menemui seorang doktor atau mendapatkan rawatan perubatan

Jika anda bekerja di rumah seseorang, ini juga adalah tanda-tanda eksploitasi:

- Tidak pernah atau jarang mampu meninggalkan rumah untuk sebab-sebab peribadi
- Hanya dibenarkan untuk meninggalkan rumah itu di bawah pengawasan majikan
- Tidak dibenarkan untuk berhubung dengan keluarga atau kawan-kawan
- Telefon anda dirampas
- Dipaksa tidur dalam satu ruang berkongsi atau tidak sesuai dan tidak mempunyai akses kepada sebarang ruang peribadi
- Terdedah kepada penghinaan, layanan buruk, penganiayaan atau keganasan
- Mengalami penafian hak untuk tidur dan untuk makanan

Bantuan boleh didapati

Palang Merah memberikan nasihat dan sokongan, dan boleh merujuk anda kepada lain-lain perkhidmatan untuk bantuan. Perkhidmatan penterjemahan boleh didapati.

Hubungi 03 9345 1800 atau emel kepada national_stpp@redcross.org.au

Terdapat juga satu **program sokongan** yang membantu orang untuk pulih dan membina semula kehidupan mereka. Program ini membantu orang mencari satu tempat yang selamat untuk didiami, menyediakan sokongan untuk mendapat akses kepada penjagaan perubatan, kaunseling dan nasihat perundangan dan migrasi, sokongan kewangan, bantuan dengan pendidikan dan latihan atau mencari satu pekerjaan, dan hubungan rangkaian sosial. Palang Merah boleh memberitahu anda lebih banyak mengenai program ini.

Kerja ini dibiayai oleh Jabatan Perkhidmatan Sosial di bawah Sokongan Untuk Program Orang Yang Dipemerdagangkan.

Untuk nasihat perundangan percuma dan rahsia, hubungi Anti-Perhambaan Australia di talian **02 9514 8115** atau emel kepada ASALegal@uts.edu.au

Jika ia adalah satu kecemasan atau terdapat satu ancaman terhadap keselamatan seseorang hubungi polis di talian **000**. Untuk melaporkan satu kes perhambaan moden yang mungkin hubungi Polis Persekutuan Australia di talian **131 237**.

Jika situasi itu melibatkan seorang kanak-kanak mungkin terdapat kewajipan membuat pelaporan mandatori di bawah undang-undang perlindungan kanak-kanak.